

# Sekat akaun bank bekas suami liat bayar nafkah

→ Kerajaan perincikan syor pastikan nasib wanita bercerai terbela

Oleh Irwan Shafrizan Ismail  
irwansha@nstp.com.my

Putrajaya

**S**ekatan terhadap akaun bank suami yang 'liat' membayar nafkah kepada bekas isteri dan anak-anak adalah antara cadangan kerajaan untuk menguatkuasakan keadilan syariah kepada golongan berkenaan.

Pada masa ini, perbincangan mengenainya sedang dilakukan

bagi memperincikan penguatkuasaan lebih ketat terhadap keadilan syariah bagi wanita yang menjadi mangsa pengabaian bekas suami selepas perceraian walaupun sudah mendapat arahan mahkamah.

Difahamkan kerajaan sedang menentukan mekanisme sekatan akaun bank berkenaan.

## Jadi mangsa pengabaian

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Mujahid Yusof berkata kebanyakan wanita yang diceraikan dan menjadi mangsa pengabaian bekas suami tidak ada tempat untuk mengadu bagi membolehkan penguatkuasaan diambil walaupun sudah ada perintah mahkamah.

"Kebanyakan wanita tidak ada tempat untuk mengadu dari segi penguatkuasaan, jadi kita melihat keperluan penguatkuasaan ke-

pada wanita yang tidak diberikan keadilan dari sudut nafkah yang sudah diputuskan mahkamah syariah," katanya kepada pemberita selepas program Town Hall Maqasid: Tadbir Urus Maqasid Syariah di sini semalam.

Beliau berkata penguatkuasaan terhadap isu berkenaan perlu bagi memastikan bekas isteri yang menjadi mangsa itu mendapat pembelaan sewajarnya.

"Perkara itu sudah dibincang di peringkat Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), dibincang peringkat kami (kementerian) dan saya harap penguatkuasaan itu perlu dipertingkatkan contohnya mengenakan sekatan bank, jadi kita perlukan penguatkuasaan ke atas bekas suami yang 'liat' untuk membayar nafkah kepada bekas isteri mereka," katanya.

Ditanya jumlah dan peratusan lelaki yang gagal membayar naf-

kah seperti diperintahkan mahkamah, katanya beliau tidak mempunyai statistik itu, namun tidak menafikan jumlahnya ramai.

## Banyak terima aduan daripada bekas isteri

"Ramai yang terbabit dalam hal ini berdasarkan aduan yang diterima daripada bekas isteri yang tidak dibela kerana kegagalan dan kecuaiannya bekas suami untuk membayar nafkah yang sudah diputuskan mahkamah.

"Jadi kita perlu ada penguatkuasaan yang lebih tegas agar mereka tahu bahawa keputusan mahkamah itu perlu dihormati dan kalau mereka tidak buat akan ada tindakan penguatkuasaan ke atas diri mereka," katanya.

Beliau berkata semua cadangan berkenaan sedang diperincikan oleh pihaknya sebelum tindakan lanjut diambil.



Kebanyakan wanita tidak ada tempat untuk mengadu dari segi penguatkuasaan, jadi kita melihat keperluan penguatkuasaan kepada wanita yang tidak diberikan keadilan dari sudut nafkah yang sudah diputuskan mahkamah syariah"

Mujahid Yusof,  
Menteri di Jabatan  
Perdana Menteri

Khamis, 8 November 2018 BH